



PASUKAN wanita UiTM meraikan kejayaan memenangi pingat emas dalam acara memanah pada Sukan Institusi Pengajian Tinggi di Stadium UiTM, Shah Alam semalam.

## UiTM raih 7 emas memanah

Oleh NOR AZAN FITRI  
AHMAD HIDZIR

sukan@utusan.com.my

SHAH ALAM - Kejayaan meraih tujuh pingat emas dalam acara memanah Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 menjadi hadiah hari jadi bermakna buat jurulatih memanah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Mon Redee Sut Txi.

Kejayaan menewaskan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dalam kutipan pingat sekali gus mengukuhkan dominasi UiTM dalam acara memanah yang berlangsung selama lima hari bermula Khamis lalu.

Beliau nyata gembira dengan prestasi atlet kendaliannya dan mengakui meletakkan harapan tinggi kepada mereka memandangkan UiTM merupakan tuan rumah bagi temasya sukan dwi-tahunan itu.

utusan 11/2/14



"Tahun ini ramai pemanah berbakat dari universiti-universiti lain dan pada awalnya kita sasarkan enam pingat emas tetapi satu lagi pingat emas ini merupakan bonus.

"Hakikatnya UPM merupakan pasukan pilihan kerana memiliki ramai atlet kebangsaan dan UiTM hanya ada dua atlet kebangsaan iaitu Fatih Nurfatehah Mat Salleh dan Norhayati Al-Madihah Hashim tetapi ia tidak menjamin sebarang kejayaan kutipan pingat.

"Meskipun UPM ramai atlet kebangsaan tetapi mereka sekadar meraih empat pingat emas, kita berjaya curi tujuh pingat emas dan UniSZA meraih tiga emas. Ini bermaklud semua peserta memiliki peluang untuk berjaya," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Stadium UiTM di sini semalam.

UiTM meraih tujuh pingat emas daripada 14 pingat yang dipertandingkan melalui acara compound wanita, compound lelaki, compound olimpik lelaki, compound olimpik wanita, recurve lelaki, compound berpasukan lelaki dan compound berpasukan wanita.

UPM meraih emas bagi acara recurve lelaki, compound berpasukan campuran, recurve berpasukan lelaki dan recurve berpasukan wanita manakala UniSZA meraih tiga pingat emas bagi acara acara recurve wanita, recurve olimpik wanita serta recurve berpasukan campuran.